

## **KUIS komited martabatkan ilmu, pelajar meningkat hingga 200 peratus**

**August 13, 2016**

**OLEH NAZLI IBRAHIM (<https://selangorkini.my/2016/08/kuis-komited-martabatkan-ilmu-pelajar-meningkat-hingga-200-peratus/>)**

BANGI, 13 OGOS: Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) semakin terkenal sebagai pilihan pelajar yang berhasrat melanjutkan pelajaran apabila jumlah pelajarinya mengalami peningkatan 200 peratus sejak ditubuhkan pada 1995.

Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, berkata hal ini berikutan kejayaan warga kerja KUIS melaksanakan transformasi daripada kolej kepada universiti bertaraf antarabangsa.

“Hari ini KUIS berjaya mengangkat martabat ilmu dan mutu pendidikan di Selangor.

“KUIS menjadi pilihan pelajar dengan peningkatan 200 peratus iaitu daripada 3,500 pelajar kepada 9350 pelajar,” kata Mohamed Azmin pada Majlis Konvokesyen KUIS Kali Ke-19 yang berlangsung pada hari ini dan esok.

Katanya, KUIS berjaya memainkan tanggungjawabnya bagi memenuhi negeri untuk menjadi sebuah gedung ilmu selaras dengan motto KUIS, “pemangkin tradisi ilmu”.

Mohamed Azmin turut mengambil kesempatan mengucapkan tahniah kepada 1,006 graduan KUIS.

“Saya melihat keceriaan terpancar di wajah ibu bapa yang gembira di atas kejayaan anak masing-masing sebagaimana cerianya saya beberapa minggu lalu apabila menyaksikan anak saya memakai jubah graduasi.

“Saudara saudari jangan sesekali melupakan pengorbanan dan kasih sayang ibu bapa; yang berterusan berdoa untuk kejayaan anak-anak di dalam pendidikan dan kerjaya. Terima kasih untuk ibu dan ayah,” katanya.